

Majlis gereja gesa menteri Kristian bawa isu seminar di Johor ke Kabinet
The Malaysian Insider
01 April , 2012
Oleh Yow Hong Chieh

KUALA LUMPUR, 1 April — Majlis Gereja Malaysia menggesa menteri beragama Kristian supaya membawa isu seminar di Johor ke Kabinet supaya isu berkenaan dapat diselesaikan dengan cara yang berhemah dan membuktikan komitmen Putrajaya dalam hubungan antara agama yang harmoni.

Majlis Gereja Malaysia (CCM) berkata menteri beragama Kristian seharusnya menggunakan keupayaan mereka untuk memastikan Kabinet membuat pendirian terhadap seminar yang berlangsung semalam, yang pada asalnya dianjurkan terhadap "ancaman Kristianisasi" kepada umat Islam.

Ahli Kabinet Kristian termasuk Datuk Seri Idris Jala, Datuk Seri Maximus Ongkili, Datuk Seri Peter Chin dan Tan Sri Bernard Dompok.

"Mereka seharusnya memainkan peranan ... Topik sedemikian tidak sepatutnya ada dalam sistem pendidikan rasmi.

"Isu ini tidak akan selesai walaupun kerajaan beranggapan isu itu telah selesai," kata Setiausaha Agung CCM Rev Dr Hermen Shastri kepada The Malaysian Insider.

Menurutnya isu itu amat "menyedihkan dan mengejutkan" kerana guru agama menerima latihan terhadap topik sedemikian, yang mana akan menimbulkan lebih banyak rasa sangsi dan curiga terhadap perhubungan beragama di Malaysia.

Presiden CCM Rev Thomas Philips mendesak Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengambil pendirian tegas terhadap konsep 1 Malaysia, yang menuntut kesatuan, dan mengambil tindakan terhadap Jabatan Pelajaran Johor kerana menganjurkan seminar tersebut.

"Kami menuntut beliau menyatakan pendirian dan berkata "saya percaya dengan 1 Malaysia" dan tidak menggalakkan masyarakat menimbulkan gangguan sedemikian...

"Ia hanyalah sekadar retorik dan gimik politik apabila anda melakukan perkara lain dan orang lain melakukan perkara yang berlainan," katanya.

Philips, yang juga Naib Presiden Kesatuan Perunding Buddha, Kristian, Hindu, Sikh, dan Tao (MCCBCHST), menambah Najib harus melakukan "kenyataan tegas" sekiranya ia baik untuk negara.

"Kami percaya terhadap kebebasan bersuara ... tapi saya fikir apabila ia dilakukan secara terbuka untuk menyerang kumpulan lain, ia meletakkan orang ramai dalam keadaan berjaga-jaga," katanya.

Kira-kira 300 guru agama di Johor menghadiri seminar bertajuk "Mengukuhkan Akidah: Apa Peranan Guru Agama?" telah diadakan di negeri tersebut semalam.

Seminar itu telah mencetuskan kontroversi terhadap kalangan bukan Muslim apabila fokus terhadap ancaman Kristianisasi terhadap umat Islam.

Tajuk asalnya — "Memperkuhkan Akidah: Bahaya Liberalisme dan Pluralisme serta Ancaman Kristianisasi Terhadap Umat Islam. Apa Peranan Guru Agama?" — telah diubah selepas mendapat bantahan bukan Muslim.

Seminar berkenaan dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran Johor dengan kerjasama Jabatan Mufti untuk memastikan Muslim tidak "keliru" dengan cubaan memurtadkan mereka.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/majlis-gereja-gesa-menteri-kristian-bawa-isu-seminar-di-johor-ke-kabinet/>